

Kajian Keperluan Penaiktarafan Jeti Kuala Sungai Udang Sebagai Akses Utama ke Pulau-Pulau Kecil Daerah Yan, Kedah Darul Aman

Faezah binti Yahya, TPr. Gs. Rozaimi bin Majid, Siti Noor Zilawati binti Mingat @ Minhad

Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

faezah3232@gmail.com, rozaimimajid@gmail.com, ctnoorzila@gmail.com

Abstrak: Kuala Sungai Udang, daerah Yan, Kedah Darul Aman merupakan satu kawasan jeti yang digunakan oleh nelayan untuk memperolehi hasil laut. Jeti tersebut merupakan tempat yang menjadi akses utama para pelancong untuk ke pulau-pulau kecil di sekitarnya seperti Pulau Songsong, Pulau Bunting, Pulau Bidan dan Pulau Telor yang kaya dengan khazanah alam semula jadi seperti terumbu karang, pantai yang bersih dan air jernih yang menyegarkan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan penaiktarafan jeti nelayan Kuala Sungai Udang bagi menyokong sektor eko- pelancongan dalam Rancangan Tempatan Daerah Yan 2006-2020 selaras dengan tema “Yan Daerah Pelancongan Daerah Bersih” bagi daerah Yan, Kedah Darul Aman. Kajian dilaksanakan melalui kaedah soal selidik dan kaedah pengamatan. Borang soal selidik telah diedarkan kepada pengunjung jeti di Kuala Sungai Udang. Seramai 100 sampel yang terdiri daripada pengunjung dan pelancong di jeti Kuala Sungai Udang. Dapatan kajian mendapati bahawa 71% responden telah melakukan kunjungan ke pulau-pulau kecil di daerah Yan lebih daripada sekali, selebihnya 29% ialah sekali kunjungan. Manakala 54% responden telah menggunakan jeti Kuala Sungai Udang lebih daripada sekali dan 46% pertama kali. Dapatan lain ialah kawasan kajian tidak mempunyai jeti khusus untuk pelancong mengakses ke pulau-pulau kecil yang menjadi daya tarikan pelancong di sekitar daerah Yan. Ditambah dengan ketiadaan kemudahan sokongan serta jalan dan tempat letak kenderaan yang tidak terancang menimbulkan masalah kepada pelancong dan penduduk setempat. Justeru keperluan penaiktarafan jeti di Kuala Sungai Udang amat signifikan dalam memberi kemudahan kepada pengunjung atau pelancong sebagai aksesibiliti utama ke pulau-pulau kecil di Daerah Yan, Kedah Darulaman.

Kata kunci: *Jeti, pulau, penaiktarafan, pelancong, pelancongan, aksesibiliti.*

1.0 PENDAHULUAN

Industri pelancongan merupakan suatu industri yang semakin berkembang pesat termasuklah negara-negara maju seperti Jepun, Rusia dan Amerika Syarikat. Industri ini merupakan sesuatu yang berbentuk perjalanan, lawatan, keseronokan dan meneroka keindahan alam semula jadi seperti lautan, pantai dan pulau-pulau kecil. Industri pelancongan mula mendapat perhatian disebabkan perkembangan yang bermula dari negara-negara maju seperti Eropah yang menjadikan tempat bersejarah mereka sebagai tempat pelancongan. Pelbagai insentif dijalankan negara luar bagi membantu dalam membangunkan lagi negara tersebut. Seterusnya ia menjadi perhatian di seluruh dunia termasuk Malaysia. Industri ini mula berkembang pesat sejak tahun 1990 berikutan pengisytiharan Tahun Melawat Malaysia 1990 sehingga kini.

Kepesatan dalam kemajuan industri pelancongan di Malaysia dapat dibangunkan lagi dengan peningkatan taraf hidup, keindahan alam semulajadi yang menarik dan berdaya tahan, kemajuan yang pesat dalam bidang pengangkutan dan kemudahan yang dapat memberi keselesaan kepada pelancongan oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Penganalisis HLIB Research, Daniel Wong berkata, Bajet 2015 yang diumumkan pada 10hb Oktober 2014 mungkin memberi fokus ke atas industri pelancongan disebabkan kerajaan mahu menggerakkan sektor ini ke hadapan berikutan tragedi MH370 dan MH17 (Bernama, 2014). Menurut Laporan Kesan Ekonomi Malaysia 2013, industri pelancongan dan pengembaraan menyumbang RM158.2 bilion atau 16.1 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan mewujudkan 1,857,490 pekerjaan,

termasuk mereka yang disokong secara tidak langsung oleh sektor itu.

Kajian ini lebih memberi tumpuan kepada pelancongan yang berlandaskan eko- pelancongan. Eko-pelancongan adalah berkait rapat dengan alam semulajadi, jadi ia seharusnya memberi kepuasan kepada mereka yang berada di dalam kawasan pelancongan. Oleh itu, kemudahan-kemudahan sokongan seperti jeti di kuala menjadi semakin penting kepada sektor eko-pelancongan. Ramai berpendapat bahawa, kuala yang baik adalah kuala yang mempunyai jeti dan menyediakan kemudahan yang lengkap. Oleh itu, pihak pengurusan jeti memainkan peranan yang sangat penting dalam menjayakan jeti yang serba lengkap, selesa dan memberi kepuasan kepada pelancong malahan juga kepada nelayan. Tambahan lagi, berdasarkan RMK-9 kerajaan telah memperuntukan RM858 juta bagi pelaksanaan pelbagai program pelancongan termasuk pembangunan projek luar bandar (Norzalita A. Aziz et. al., 2009). Hal ini dapat dilihat bahawa kerajaan memberi sokongan penuh dalam membangunkan ekonomi negara berteraskan pelancongan. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) (2021) menyambut baik pembentangan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), 2021-2025 dengan Fokus Pertama, Merencanakan Pertumbuhan Ekonomi selaras dengan Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030 iaitu memberikan tumpuan kepada usaha-usaha ke arah meningkatkan pendapatan negara, menggalakkan kerjasama awam-swasta, memperkasa masyarakat setempat, mengukuhkan daya saing, pembangunan sektor pelancongan secara mampan dan inklusif, pemulihan industri pelancongan secara efektif berteraskan norma baharu serta kesediaan mendepani sebarang situasi ketidakpastian pada masa akan datang. Bagi mencapai fokus pertama ini, MOTAC akan bertindak dengan lebih kreatif dan meneruskan kerjasama erat dengan semua kerajaan negeri bagi membangunkan sektor pelancongan. Justeru itu, fokus ini boleh menjadi pemangkin dalam usaha membangunkan sektor pelancongan di kawasan kajian. Selain itu, Rancangan Tempatan Daerah Yan 2006-2020 (Majlis Daerah Yan, 2011) juga menyatakan di dalam cadangannya bahawa Kuala Sungai Udang akan dijadikan terminal penumpang bagi daerah Yan dengan berlandaskan tema “Daerah Yan Daerah Pelancongan”. Kajian keperluan menaiktaraf jeti Kuala Sungai Udang kepada kompleks jeti yang akan menjadi akses utama ke pulau-pulau kecil di dalam daerah Yan akan menyokong Rancangan Malaysia ke-9 dan Rancangan Tempatan Daerah Yan dalam membangunkan lagi industri pelancongan.

Jeti Kuala Sungai Udang adalah platform utama yang menjadi jeti kepada nelayan dan pelancong yang ingin ke pulau-pulau kecil dalam daerah Yan. Dengan itu, beberapa isu dan masalah utama telah dikenal pasti di kawasan kajian. Isu utama adalah ketiadaan jeti khas di Kuala Sungai Udang untuk pelancong dan pengunjung yang ingin ke pulau-pulau kecil di dalam daerah Yan. Pada masa ini, pelancong yang ingin melawat pulau-pulau kecil akan menggunakan jeti nelayan sebagai akses ke pulau-pulau kecil tersebut. Hal yang demikian akan menyebabkan pelancong tidak mencapai kepuasan dalam mengunjungi pulau-pulau kecil di dalam Daerah Yan.

Begitu juga dengan isu kemudahan sokongan di kawasan kajian dan sekitarnya di mana tidak mempunyai kedai perkhidmatan pelancongan iaitu kedai yang menjual peralatan yang bersesuaian seperti peralatan aktiviti menyelam, peralatan memancing dan cenderahati yang merujuk kepada “Daerah Yan Daerah Pelancongan” kepada pelancong. Fakta awalan yang dapat dinyatakan merujuk Rancangan Tempatan Daerah Yan 2006-2020 melalui isu pembangunan nisbah ruang lantai antara perniagaan borong, runcit dan perkhidmatan adalah tidak seimbang iaitu nisbah semasa ialah 1.44: 51.38: 47.18 sedangkan nisbah sebenar yang diperlukan ialah 4: 32:

64. Dengan kenyataan ini, dapat dilihat bahawa kedai perkhidmatan masih belum mencapai sasaran Rancangan Tempatan Daerah Yan. Oleh itu, cadangan aspek pelancongan dalam menjadikan Kuala Sungai Udang sebagai kompleks jeti penumpang masih belum tercapai.

Aksesibiliti yang tidak baik dan tiada tempat untuk meletak kenderaan juga menjadi masalah kepada pemajuan kawasan kajian. Kawasan kajian hanya boleh diakses melalui jalan berkelebaran yang hanya mampu menampung sebuah kereta dan sebuah motorsikal sahaja dan tiada lot tempat letak kenderaan bagi pengunjung atau pelancong. Isu ini dapat diamati dengan mata kasar bahawa kebanyakan pelancong meletak kenderaan mereka di dalam lot-lot rumah penduduk tempatan atau di tepi-tepi jalan. Justeru, peletakan kenderaan pelancong ini akan mengganggu pemilik-pemilik rumah tersebut. Kelebaran jalan yang tidak sesuai dan sempit juga menyukarkan pelancong untuk ke kawasan kajian.

Justeru itu, satu kajian perlu dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti keperluan penaiktarafan yang sesuai dalam usaha untuk menaiktaraf jeti penumpang kepada kompleks jeti di Kuala Sungai Udang bagi menyokong cadangan pelancongan dalam Rancangan Tempatan Daerah Yan 2006-2020 dengan tema “Daerah Yan Daerah Pelancongan”. Bagi mencapai matlamat kajian yang telah dinyatakan, beberapa objektif telah dibentuk iaitu:

- i. mengenal pasti kekerapan pengunjung ke pulau-pulau kecil di dalam daerah Yan.
- ii. mengenal pasti perkhidmatan sokongan pelancongan dan aksesibiliti sedia ada di jeti Kuala Sungai Udang.

2.0 SOROTAN KARYA

Jeti merupakan salah satu elemen yang penting bagi nelayan dan pengunjung atau pelancong. Bagi nelayan, ia merupakan platform yang membantu mereka menambat bot dan membawa hasil laut ke daratan manakala bagi pelancong pula, ia sebagai akses untuk ke sesuatu tempat dengan menyeberangi lautan atau sungai. Jeti pada mulanya hanyalah terminal yang ringkas pada masa dahulu, pada masa kini jeti bertambah maju dengan menawarkan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan seperti kedai-kedai yang menawarkan peralatan rekreasi dan tempat informasi. Tafsiran jeti berdasarkan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS, 1999) adalah ia melibatkan struktur seperti *wharf, pier, grid, slip, landing place, stage, platform* atau apa-apa struktur yang mengunjur dari tebing ke sungai, laut atau tasik sama ada melekat atau terapung, dibina atau didirikan, sama ada sebahagian atau keseluruhannya di dalam atau di atas mana-mana kawasan sumber air yang digunakan untuk tujuan menaikkan atau menurunkan barangan, penumpang atau untuk menambat vesel atau apa-apa aktiviti marin lain yang berhubungan dengannya atau dikawal oleh lembaga. Jeti atau terminal yang lebih besar turut mempunyai daya tarikan seperti dataran, menara tinjau dan kemudahan lain yang lebih kepada struktur binaan seperti masjid atau surau. Jeti yang selesa akan memberi kepuasan kepada pengunjung dan nelayan sekaligus meningkatkan ekonomi setempat.

Pelancong didefinisikan dalam Longman Dictionary of Contemporary English (Pearson Longman, 2021), sebagai seorang yang berkunjung atau melancong untuk tujuan ketenangan dan keseronokan. Manakala Oxford Learner's Dictionaries (University of Oxford, 2021) mendefinisikan pelancong adalah orang yang membuat lawatan atau kunjungan pada masa kelapangan. Dengan merujuk maksud pelancong dalam konteks komprehensifnya adalah seorang individu tersebut pergi ke sesuatu tempat bertujuan menenangkan fikiran, bersenang-senang, berseronok, faktor budaya hiburan dan melihat pemandangan. Dengan ini maksud pelancong itu sendiri sudah memberi makna yang tersendiri. Ia bergantung pada sebab dan tujuan yang menyebabkan individu tersebut melancong dan melawat sesuatu kawasan tersebut. Terdapat sesetengah individu melawat atas urusan kerja, belajar dan juga berseronok. Justeru itu pelbagai kategori pelancong dapat diklasifikasikan walaupun ia membawa makna yang sama tetapi tujuannya agak berlainan.

Pelancongan pula secara umumnya merujuk kepada beberapa sumber rujukan bagi memperincikan lagi kefahaman dan maksudnya. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), pelancongan berasal daripada perkataan lancong atau melancong yang membawa maksud melawat sambil melihat-lihat (bersenang-senang). World Tourism Organization (WTO) (2021) pula mendefinisikan Pelancongan adalah fenomena sosial, budaya dan ekonomi yang melibatkan pergerakan orang ke negara atau tempat di luar persekitaran biasa mereka untuk tujuan peribadi atau perniagaan/profesional. Mereka ini dipanggil pelawat (yang mungkin sama ada pelancong, penduduk atau bukan pemastautin) dan pelancongan mempunyai kaitan dengan aktiviti mereka, beberapa daripadanya melibatkan perbelanjaan pelancongan. Manakala *Islamic Tourism Centre* atau Pusat Pelancongan Islam di bawah Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia pula telah mendefinisikan pelancongan Islam sebagai mana-mana kegiatan, peristiwa dan pengalaman yang dilalui dalam keadaan bermusafir yang tidak bertentangan dengan hukum syariah (Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia, 2014)

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pelancong merupakan seseorang yang meninggalkan rumah kediamannya untuk pergi ke sesuatu tempat dengan tujuan bercuti atau melancong. Manakala pelancongan pula disimpulkan sebagai satu industri yang memberi kemudahan- kemudahan kepada orang ramai untuk pergi melancong. Sesuatu pembangunan atau infrastruktur perlulah sentiasa berada dalam keadaan baik untuk menjamin keselamatan dan kepuasan pengguna. Bagi kemudahan yang melibatkan kepenggunaan yang optimum, keselamatan bangunan dan pengguna adalah yang paling utama. Selain dari itu, dengan menaiktaraf sesuatu bangunan ia akan menambah keselesaan kepada pengguna sekaligus akan membawa kepada lebih ramai pengunjung dan kepenggunaan sesuatu bangunan itu. Apabila pengunjung bertambah maka secara tidak langsung ia meningkatkan taraf ekonomi setempat.

Elemen penawaran pelancongan yang disediakan perlu memenuhi kriteria-kriteria yang tertentu. Pearce, D. G. (1981) menyatakan bahawa kemudahan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh pelancong dalam menentukan destinasi pelancongan terdiri daripada beberapa kriteria berikut:

i. Tarikan

Daya tarikan ke sesuatu kawasan sudah tentunya akan mempengaruhi pengunjung dan pelancong. Dengan bertambahnya tarikan di dalam sesuatu kawasan yang spesifik mampu menggalakkan pelancong untuk datang melawat ke kawasan yang khusus atau bercuti di wilayah yang mempunyai pelbagai tarikan. Ini dapat diklasifikasikan dalam pelbagai cara. Perbezaan yang utama merangkumi ciri-ciri semulajadi seperti pembentukan tanah, flora, fauna, objek buatan manusia, bangunan bersejarah, monument dan taman hiburan.

ii. Pengangkutan

Secara sejarahnya, perkembangan pelancongan berhubungkait dengan kemajuan dalam teknologi pengangkutan. Di negara Barat, perkembangan awal di kawasan resort persisiran pantai bergantung kepada pembangunan landasan keretapi. Lundgren (1972) dan Rajotte (1975) dalam Pearce, D. G. (1981) menyatakan bentuk perjalanan telah menjadi lebih fleksibel dan berselerak di mana kenderaan bermotor menggantikan penggunaan landasan keretapi untuk ke destinasi pelancongan. Manakala Calson (1938) dan Deasy (1949) dalam Pearce, D. G. (1981) juga menunjukkan impak kenderaan bermotor dalam menentukan bentuk atau corak perjalanan ke kawasan pelancongan. Malah, kesan kenderaan bermotor ini turut mempengaruhi tahap populariti sesuatu destinasi pelancongan dan juga jenis tempat penginapan.

Tambahan lagi situasi ini dapat dilihat di mana kawasan yang mempunyai tahap kemudahsampaian yang memuaskan lebih mampu menarik lebih ramai pelancong dan seterusnya meningkatkan populariti tempat tersebut. Lundgren (1972) juga mencadangkan pembinaan lebuh raya utama akan lebih menarik lebih ramai pengunjung dengan adanya aksesibiliti yang telah disediakan.

iii. Penginapan

Terdapat banyak perbezaan bentuk penginapan yang tersedia untuk pelancongan. Ia dapat dikategorikan kepada sektor persendirian dan juga sektor komersial yang merangkumi hotel, motel, rumah tumpangan dan sebagainya. Kediaman kedua (*second home*) didefinisikan sebagai *property owned or rented on a long lease as the occasional residence of a household that usually lives elsewhere* (Downing dan Downen, 1977 dalam Pearce, D. G., 1981)

Dengan itu, ia boleh difahami bahawa penjelasan di atas merujuk kepada tempat penginapan yang dimiliki ataupun disewa di mana ia turut sekali didiami oleh sesebuah keluarga dalam isi rumah yang tinggal di kawasan lain. Secara umum, penginapan yang bersifat tradisional yang disediakan oleh hotel dan rumah tetamu telah meningkat menjadi lebih fleksibel dan mempunyai lebih banyak fungsi seperti motel yang lengkap (*self-contained motel*).

iv. Kemudahan dan Keselamatan

Pelancong memerlukan pelbagai jenis kedai perkhidmatan seperti kedai menjual cenderamata dan kedai yang menawarkan barangan untuk tujuan mengembara. Antara perkhidmatan yang diperlukan pula terdiri daripada restoran, kedai pakaian, kedai menjual makanan, bank dan pusat kesihatan. Defert (1966) dalam Pearce, D.G. (1981) mencadangkan model hirarki digunakan di kawasan resort dengan menggunakan perkhidmatan seperti perkhidmatan perdagangan, perkhidmatan keselamatan dan perkhidmatan bagi tujuan keselesaan. Keperluan harian seperti kedai runcit dan kafe merupakan perkhidmatan yang mendapat permintaan yang tinggi memandangkan ianya merupakan barangan yang diperlukan dalam kehidupan harian. Sebaliknya, keperluan pelancong terhadap barangan jenis mewah seperti barangan kemas terletak di peringkat yang kurang penting dan ianya akan menjadi lebih penting sekiranya lebih ramai pelancong yang datang ke kawasan pelancongan tersebut. Ini bermakna permintaan terhadap barang mewah tersebut akan meningkat.

v. Utiliti dan Infrastruktur


Infrastruktur yang mencukupi diperlukan untuk menyokong kemudahan di kawasan pelancongan. Selain itu, infrastruktur pengangkutan seperti tempat letak kenderaan, pelabuhan, jeti, lapangan terbang dan utiliti awam seperti tempat pelupusan najis dan bekalan elektrik juga penting dalam menyediakan keperluan yang lengkap untuk pengunjung.

Berdasarkan sorotan karya atau kajian ilmiah yang telah dibincangkan, dapatlah dirumuskan bahawa pelancongan merupakan sektor yang penting untuk memacu negara ke arah pembangunan yang maju, mampan dan berdaya saing. Demi meningkatkan lagi sektor pelancongan negara, kemudahan untuk mengakses sesuatu kawasan yang menjadi tumpuan adalah penting dalam menjaga kepuasan pelancong luar negara dan domestik. Justeru kajian keperluan untuk menaiktaraf Jeti Kuala Sungai Udang kepada Kompleks Jeti Kuala Sungai Udang akan menjadi pendorong kepada peningkatan sektor pelancongan di kawasan kajian. Sehubungan itu, secara tidak langsung sektor pelancongan yang merupakan pemangkin kepada ekonomi negara memerlukan penjagaan dan penaiktarafan mengikut garis panduan perancangan dan dasar-dasar serta strategi pelancongan yang telah disediakan dan digariskan.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang menggunakan data-data kualitatif dan kuantitatif di mana pengumpulan data primer melibatkan kaedah soal selidik dan pengamatan. Lokasi kawasan kajian adalah di Jeti Kuala Sungai Udang, Daerah Yan, Kedah di mana jeti ini digunakan oleh pelancong sebagai akses ke pulau-pulau kecil di sekitarnya.

Kuala Sungai Udang merupakan satu kawasan jeti utama yang digunakan oleh nelayan untuk memperolehi hasil laut. Jeti tersebut juga merupakan tempat yang didatangi pelancong untuk ke pulau-pulau kecil di sekitarnya seperti Pulau Songsong, Pulau Bunting, Pulau Bidan dan Pulau Telor yang kaya dengan khazanah alam semula jadi daerah Yan seperti terumbu karang yang tidak terusik, pantai yang bersih dan air jernih yang menyegarkan.



Jarak di antara jeti Kuala Sungai Udang dan pulau-pulau daerah Yan:

- i. Jeti ke Pulau Bunting: 8.60km
- ii. Jeti ke Pulau Songsong: 8.00km
- iii. Jeti ke Pulau Telur: 10.80km
- iv. Jeti ke Pulau Bidan: 12.40km
- v. Pulau Bunting ke Pulau Songsong: 0.90km
- vi. Pulau Songsong ke Pulau Telur: 0.60km
- vii. Pulau Telur ke Pulau Bidan: 2.08km

Lokasi gugusan pulau-pulau kecil, daerah Yan, Kedah Darulaman

Rajah 1: Lokasi dan jarak pulau-pulau kecil di daerah Yan, Kedah Darulaman.

Kuala Sungai Udang dipilih sebagai kawasan kajian kerana lokasinya yang strategik untuk mengakses ke pulau-pulau kecil yang sangat berpotensi dalam mengembangkan lagi industri pelancongan dan meningkatkan lagi ekonomi daerah Yan berbanding jeti-jeti lain yang lebih jauh lokasinya. Lokasi dan jarak di antara pulau-pulau kecil daerah Yan adalah seperti dalam Rajah 1.

Responden terdiri daripada pelancong yang datang untuk melancong ke pulau-pulau kecil dan nelayan yang menyediakan perkhidmatan penyewaan bot-bot nelayan kepada pelancong tersebut. Pengumpulan data primer melibatkan dua jenis kaedah iaitu:

i. Kaedah Soal Selidik

Borang soal selidik ini diajukan kepada responden yang terdiri daripada pengunjung yang menggunakan jeti Kuala Sungai Udang bagi mengakses ke pulau-pulau kecil daerah Yan. Sejumlah 100 responden yang dipilih secara rawak dalam kalangan pengunjung dan pelancong di kawasan kajian.


ii. Kaedah Pengamatan

Kaedah ini dilaksanakan dengan cara mengamati atau meneliti kawasan kajian. Ia penting untuk pengkaji dalam menghayati masalah-masalah yang telah dikenal pasti dan bertujuan untuk mendapatkan gambaran keseluruhan isu yang ada dalam kawasan kajian. Kaedah pengamatan dijalankan di tapak kajian iaitu jeti Kuala Sungai Udang dan perkampungan sekitarnya dalam mengenal pasti aspek fizikal dan komponen-komponen kemudahan dan perkhidmatan pelancongan sedia ada di kawasan kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian daripada kaedah soal selidik mendapati bahawa 71% responden telah mengunjungi lebih dari sekali pulau-pulau kecil di daerah Yan manakala 29% mengunjunginya sekali sahaja seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2. Dapatan ini menunjukkan yang pulau-pulau kecil ini berpotensi dan menjadi daya tarikan untuk dikunjungi oleh pengunjung pada masa akan datang. Daya tarikan merupakan salah


satu daripada kriteria atau elemen penawaran pelancongan yang perlu disediakan bagi memenuhi kehendak pelancong seperti yang telah dinyatakan oleh Pearce, D. G. (1981).



Rajah 2: Peratusan kekerapan ke pulau-pulau daerah Yan

Bagi kekerapan responden menggunakan Jeti Kuala Sungai Udang untuk mengakses ke pulau-pulau kecil di daerah Yan pula mendapati bahawa 54% adalah pengunjung yang telah menggunakan jeti Kuala Sungai Udang lebih daripada sekali manakala 46% responden menggunakannya buat pertama kali seperti yang dapat dilihat pada Rajah

3. Ini menunjukkan bahawa Jeti Kuala Sungai Udang merupakan akses utama untuk ke pulau-pulau kecil tersebut bersesuaian dengan pendapat Calson (1938) dan Deasy (1949) dalam Pearce, D. G. (1981) di mana kawasan yang mempunyai tahap kemudahsampaian yang memuaskan lebih mampu menarik lebih ramai pelancong serta meningkatkan populariti kawasan tersebut. Lundgren (1972) dalam Pearce, D. G. (1981) pula berpendapat yang pembinaan lebuhraya sebagai aksesibiliti utama akan lebih menarik lebih ramai pengunjung ke sesuatu kawasan menggambarkan yang sesuatu kawasan perlu disediakan akses utama agar menarik perhatian pengunjung.



Rajah 3: Kekerapan responden menggunakan jeti Kuala Sungai Udang untuk mengakses pulau-pulau kecil daerah Yan

Hasil analisis pengamatan menunjukkan bahawa tiada jeti khas di Kuala Sungai Udang untuk pelancong dan pengunjung yang ingin ke pulau-pulau kecil daerah Yan. Pelancong yang ingin melakukan aktiviti di pulau-pulau seperti Pulau Bunting, Pulau Songsong, Pulau Bidan dan Pulau Telur akan menggunakan jeti nelayan sebagai tempat untuk mengakses ke pulau-pulau tersebut seperti yang dapat dilihat di Foto 1. Hal ini dapat diamati apabila pelancong mencari-cari nelayan yang akan ke pulau-pulau tersebut dan nelayan pula akan mengumpul pengunjung untuk pergi bersama-sama bagi menjimatkan kos perjalanan. Situasi ini akan menyebabkan pelancong berasa

tidak selesa, ditambah pula dengan persekitaran udara yang bercampur dengan bau ikan. Struktur dan bahan binaan jeti nelayan yang diperbuat daripada kayu dan beberapa bahagiannya konkrit telah mewujudkan perasaan kurang selamat kepada pelancong ketika menggunakan jeti tersebut. Di samping itu, kesesakan turut berlaku di jeti apabila nelayan membawa pulang hasil laut ke darat dan bertembung dengan ketibaan pengunjung dan pelancong yang telah bersedia di jeti untuk ke pulau-pulau kecil disekitarnya.



Foto 1: Jeti nelayan di Kuala Sungai Udang

Hasil pengamatan terhadap kemudahan sokongan yang terdapat di kawasan kajian mendapati bahawa tiada fizikal bangunan sedia ada seperti kiosk atau kedai perkhidmatan pelancongan. Ketiadaan kedai perkhidmatan pelancongan, contohnya menjual peralatan memancing, peralatan aktiviti menyelam, dan cenderahati mampu menjejaskan usaha menjadikan “Daerah Yan Daerah Pelancongan”. Ini dapat disokong dengan pendapat Defert (1966) dalam Pearce, D. G. (1981) yang menekankan kewujudan perkhidmatan-perkhidmatan yang penting seperti perkhidmatan perdagangan, perkhidmatan keselamatan dan perkhidmatan bagi tujuan keselesaan kepada pelancong.

Dapatan kajian terhadap aksesibiliti, dan tempat letak kenderaan pula mendapati bahawa kelebaran jalan sedia ada tidak menepati piawai yang bersesuaian dan hanya mampu menampung sebuah kereta dan sebuah motorsikal. Tambahan lagi, tiada lot tempat letak kenderaan yang disediakan di kawasan kajian bagi pelancong atau pengunjung. Keadaan ini memberi masalah kepada penduduk setempat kerana kebanyakan pelancong meletak kenderaan di dalam kawasan rumah penduduk kampung atau di tepi-tepi jalan seperti yang dapat dilihat pada Foto 2. Seterusnya situasi ini telah menimbulkan ketidakselesaan kepada pengunjung dan penduduk setempat. Salah satu daya penarik sesebuah tempat pelancongan agar menjadi tumpuan pelancong ialah mempunyai aksesibiliti yang baik. Ini adalah selari dengan pendapat yang dinyatakan oleh Calson (1938) dan Deasy (1949) dalam Pearce, D. G. (1981).



Foto 2: Perletakan kenderaan pengunjung sedia ada di Jeti Kuala Sungai Udang

5.0 KESIMPULAN

Pelancongan merupakan sektor yang penting dan dapat memacu negara ke arah pembangunan yang maju, mampan dan berdaya saing. Secara tidak langsung sektor pelancongan merupakan pemangkin kepada perkembangan ekonomi negara. Demi meningkatkan lagi sektor pelancongan negara, kemudahan untuk mengakses sesuatu kawasan yang menjadi tumpuan adalah penting dalam menjaga kepuasan pengunjung, pelancong luar negara dan domestik.

Pulau-pulau kecil di daerah Yan merupakan lokasi pelancongan yang strategik dan amat berpotensi dalam mengembangkan lagi sektor pelancongan daerah Yan. Dapatan kajian mendapati bahawa ketiadaan akses utama ke pulau-pulau kecil tersebut, ketiadaan jalan yang sesuai serta kemudahan sokongan telah membantutkan industri pelancongan di kawasan kajian. Justeru itu, aksesibiliti utama ke pulau-pulau kecil ini perlu dibangunkan dengan terancang dan sistematik. Begitu juga dengan jalan serta kemudahan sokongan yang bersesuaian. Oleh itu, keperluan penaiktarafan jeti di Kuala Sungai Udang adalah amat signifikan dalam memberi kemudahan kepada pengunjung atau pelancong. Ini juga seiring dengan Rancangan Tempatan Daerah Yan dan selaras dengan moto Majlis Daerah Yan iaitu “Daerah Yan Daerah Pelancongan Bersih”. Penaiktarafan ini juga akan dapat merencanakan pertumbuhan ekonomi selaras dengan Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030.

RUJUKAN

Bernama. (2014). *Pembentangan Bajet 2015*. Kuala Lumpur.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. DBP, Kuala Lumpur.

Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia. (2014). Laporan Tahunan 2014. Dicapai pada 15 Mac 2021 daripada <https://www.motac.gov.my/ar/ar14/files/basic-html/page436.html>.

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS). (1999). *Enekmen Lembaga Urus Air Selangor 1999*. Kerajaan Negeri Selangor, Shah Alam.

Majlis Daerah Yan. (2011). *Rancangan Tempatan Daerah Yan 2006-2020*. Malaysia: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.

Norzalita A. Aziz, Ahmad Azmi M. Ariffin dan Tan, Wie Vien. (2009). *Kajian Awalan Ke Atas Potensi Pelancongan Kembaraan Dalam Pasaran Remaja di Malaysia*. *Jurnal Pengurusan*, 29. pp. 57-74. ISSN 0127-2713.

Pearce, D. G. (1981). *Tourist Development (Topics in Applied Geography)*. Harlow: Longman.

Pearson Longman. (2021). *Longman Dictionary of Contemporary English*. Dicapai pada 23 Mac 2021 daripada <https://www.ldoceonline.com/dictionary/tourist>. University of Oxford. (2021). *Oxford Learner's Dictionaries*. Dicapai pada 23 Mac

2021 daripada <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/tourist>.

World Tourism Organization (WTO). (2021). *Glossary of Tourism Terms*. Dicapai pada 19 Mac 2021 daripada <https://www.unwto.org/glossary-tourism-terms>.